

# 27 TABIKA Transit KEMAS jadi perintis

B/H 09/01/2018  
M/S 3

➔ Beroperasi sehingga jam 5.30 petang permudah ibu bapa bekerja

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

Banting

Sebanyak 27 Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) kendalian Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di kawasan bandar akan menjadi perintis TABIKA Transit KEMAS, mulai pertengahan bulan ini.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata TABIKA Transit itu akan dilanjutkan sehingga jam 5.30 petang, khusus bagi kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa bekerja.

"TABIKA Transit ini akan beroperasi bermula jam 1 tengah

hari sehingga jam 5.30 petang dan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ibu bapa di bandar yang bimbang keselamatan serta penjagaan anak ketika mereka keluar bekerja.

"Antara kawasan yang terbabit projek perintis ini ialah di Presint 5 Putrajaya; Pengerang, Segamat, Tangkak (Johor); Kubang Kerian (Kelantan); Gombak (Selangor); Kota Kinabalu (Sabah); Kuching (Sarawak) dan beberapa tempat lagi," katanya pada sidang media selepas Program Pelancaran Buku Garis Panduan Amalan Kebersihan Tabika KEMAS, di sini, semalam.

TABIKA KEMAS pada masa ini hanya mengenakan yuran bulanan antara RM10 hingga RM25



Ismail Sabri membantu anak TABIKA mengelap meja pada Program Pelancaran Buku Garis Panduan Amalan Kebersihan TABIKA KEMAS di TABIKA Ain Balqis, Jenjarom Barat, semalam.

bergantung kepala lokasi.

Ismail Sabri berkata, TABIKA Transit itu akan diuruskan Jawatankuasa Aktiviti TABIKA yang akan dipilih ibu bapa sendiri dan dipantau KEMAS.

"Mengenai aktiviti waktu petang terpulang kepada jawatankuasa TABIKA itu sendiri. Contohnya bagi mengisi masa terluang pihak TABIKA boleh adakan aktiviti kelas bahasa Mandarin, mengaji atau seni mempertahankan diri.

"Kadar bayaran TABIKA Transit pula akan ditentukan jawatankuasa yang akan ditubuhkan dan hasil perbincangan antara guru serta ibu bapa yang berminat untuk menghantar anak mereka," katanya.



TABIKA Transit itu akan diuruskan Jawatankuasa Aktiviti TABIKA yang akan dipilih ibu bapa sendiri dan dipantau KEMAS"

Ismail Sabri Yaakob,  
Menteri Kemajuan Luar  
Bandar dan Wilayah

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, Buku Garis Panduan Amalan Kebersihan itu akan menjadi sebahagian modul pembelajaran TABIKA KEMAS di seluruh negara, mulai tahun ini.

"Buku garis panduan ini dilancarkan untuk membudayakan aspek kebersihan kepada kanak-kanak di TABIKA dengan lebih terusun iaitu dalam bentuk aktiviti kokurikulum.

"Sebelum ini, TABIKA KEMAS sudah mengamalkan budaya kebersihan, namun kebanyakan dilakukan pembantu TABIKA yang dilantik.

"Jadi, selepas ini kanak-kanak akan dilatih menjaga kebersihan seperti mengelap meja dan membasuh pinggan sendiri," katanya.